

KEPENTINGAN ALAT PELINDUNG DIRI

PPE TIDAK LENGKAP

PPE LENGKAP

✗ Tanpa Pelindung Telinga Keselamatan

Risiko mengalami kehilangan pendengaran kekal, *tinnitus*, keletihan dan stres, serta meningkatkan risiko kemalangan akibat gagal mendengar amaran atau arahan.

✗ Tanpa Cermin Mata Keselamatan

Menyebabkan kecederaan mata akibat serpihan, habuk atau percikan batu.

✗ Vest Keselamatan Rosak

Pekerja sukar dilihat, boleh meningkatkan risiko dilanggar kenderaan atau jentera.

✗ Tanpa But Keselamatan Sesuai

Risiko terpijak benda tajam, digigit serangga atau mengalami kecederaan kaki.



RISIKO JIKA PPE TIDAK DIPAKAI

- ❗ Kecederaan mata
- ❗ Hilang pendengaran
- ❗ Luka dan jangkitan
- ❗ Kecederaan serius



Tanpa Sarung Tangan Sesuai

Risiko kecederaan tangan yang terdedah kepada benda tajam, duri dan serpihan kayu serta meningkatkan risiko jangkitan.



Kelebihan menggunakan PPE yang Betul

Peralatan Perlindungan Diri (PPE) memainkan peranan penting dalam melindungi pekerja semasa menjalankan kerja penyelenggaraan luar seperti memotong rumput, pemangkasan pokok dan mengendalikan peralatan. Penggunaan PPE yang sesuai dapat membantu mengurangkan risiko kecederaan, melindungi daripada serpihan, bunyi bising, permukaan licin dan bahaya persekitaran, serta memastikan kerja dapat dilakukan dengan lebih selamat dan berkesan.



But Keselamatan

Melindungi kaki daripada duri, batu tajam, lumpur dan gigitan serangga serta memberi tapak kukuh ketika bekerja di kawasan tidak rata.



Cermin Mata Keselamatan

Melindungi mata daripada habuk dan serpihan serta mencegah kecederaan yang boleh menjejaskan penglihatan.



Pelindung Telinga

Mengurangkan pendedahan kepada bunyi bising daripada mesin seperti pemotong rumput, *Blower*, *chainsaw* serta melindungi pendengaran jangka panjang.



Vest Keselamatan

Meningkatkan kejelasan visual pekerja, terutama di kawasan gelap atau sibuk, mengurangkan risiko dilanggar kenderaan atau jentera, dan memastikan pekerja mudah dikenali di kawasan bahaya.



Sarung Tangan Keselamatan

Melindungi tangan daripada duri, serpihan kayu, gigitan dan kecederaan semasa mengendalikan peralatan.

